

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor

hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Aset dan akaun bank milik bekas Ketua Pegawai Eksekutif Astro Malaysia Holdings Bhd Datuk Rohana Rozhan dibekukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perintah pembekuan itu dikeluarkan sebagai langkah susulan terhadap siasatan dakwaan pembelian rumah oleh bekas eksekutif Goldman Sachs, Tim Leissner kepada Rohana menggunakan dana 1MDB.

Sumber berkata, tindakan itu diambil apabila SPRM memulakan siasatan terhadap dakwaan Leissner yang mendakwa diugut untuk membelikan sebuah rumah bernilai AS\$10 juta di London.

“Rohana dilarang melakukan sebarang transaksi melibatkan akaun bank miliknya di United Kingdom (UK).

“Pembekuan aset itu dibuat di bawah Seksyen 44 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Kegana-

BEKU ASET, AKAUN BANK

Rohana dilarang melakukan sebarang transaksi melibatkan akaun bank miliknya di UK

AS\$10j

Nilai rumah di UK yang dibeli untuk menutup mulut Rohana daripada mendedahkan pembabitannya Leissner dalam skandal 1MDB.

san dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001,” katanya kepada Metro Ahad.

Khamis lalu, Rohana dilaporkan direkod keterangan lebih lapan jam di ibu pejabat SPRM, Putrajaya.

Dalam prosiding berkaitan 1MDB di Amerika Syarikat, menerusi keterangan dilaporkan Bloomberg, Leissner mendedahkan hubungannya dengan Rohana terjalin sejak 2003 hingga 2013.

Katanya, dia membeli sebuah rumah bernilai AS\$10 juta di London, UK pada 2013 untuk Rohana selepas wanita itu didakwa mengugut akan mendedahkan pembabitannya dalam skandal 1MDB.



ROHANA